



**SEMINAR JABATAN SEJARAH 2013  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA**

# **SEJARAH RESULTANAN SULU**

**Oleh:**

**Tuan Hj. Wan Rusik b. Wan  
Yusoff**



## **Kesultanan Sulu:**

### **Satu Kegemilangan yang Telah Hilang**

**Oleh:**

**Wan Rusik Wan Yusoff**

Kepulauan Sulu adalah satu gugusan pulau yang terletak di selatan Filipina di antara Semenanjung Zamboanga dan Sabah. Ia mengandungi beberapa kumpulan pulau-pulau, di antaranya Basilan, Sulu, Tawi-Tawi dan Cagayan. Semenjak 1973, Kepulauan Sulu telah dipecahkan kepada tiga wilayah, iaitu Basilan, Sulu dan Tawi-Tawi. Di kepulauan ini pernah wujud satu kesultanan yang kuat dan gagah dan memberi sumbangan penting dalam bidang politik dan ekonomi di Alam Melayu. Di kemuncak kekuatannya, ia menguasai seluruh kepulauan Sulu, bahagian selatan Semenanjung Zamboanga, bahagian selatan Pulau Palawan dan pantai utara dan timur Borneo atau Sabah sekarang. Pusat pemerintahannya terletak di bandar Jolo, di pantai utara pulau yang mempunyai nama yang sama- Pulau Jolo. Walaupun sultan-sultannya kadang kala tinggal di bandar Maimbung, di pantai selatan Pulau Jolo. Bandar ini dianggap sebagai Bandar diRaja Sulu. Pada umumnya kepulauan Sulu mempunyai bentuk mukabumi yang bergunung-ganang dan ini menjadikan aktiviti pertanian amat terhad. Oleh itu, masyarakat Sulu berpaling ke laut sebagai sumber pekerjaan dan pendapatan mereka. Di sepanjang sejarahnya, Kesultanan Sulu merupakan kuasa maritim dan perdagangan yang penting. Perdagangan merupakan nadi kepada Sulu. Kedudukannya yang strategik di pertemuan tiga laut, Laut Cina Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi menjadikan Sulu tempat persinggahan kapal-kapal dagang, khasnya dari China. Pedagang-pedagang China telah berdagang dan berniaga di Sulu selama ratusan tahun untuk membeli barangan laut, terutama sarang burung dan dalam perjalanan ke Maluku untuk membeli rempah-ratus.



## **Penerimaan Islam dan Terdirinya Kesultanan Sulu**

Sistem politik Sulu sebelum Islam masih lagi bersifat spekulatif. Dari sumber-sumber tradisi tempatan, khasnya Tarsilah Sulu menerangkan penduduk asal Pulau Jolo adalah dari suku Buramun, kemudian diikuti oleh suku Samal dan Bajao. Dari segi politik pula, tidak ada satu pemerintahan pusat. Pulau Jolo terbahagi kepada beberapa kawasan di bawah seorang datu yang sentiasa bersaing di antara satu sama lain. Tarikh sebenar kedatangan Islam ke Jolo tidak dapat dinyatakan dengan pasti. Tetapi menjelang pertengahan abad ke-15, Islam telah diterima secara rasmi. Pada masa itu, seorang pedagang Arab, Sharif al-Hashim atau Sayed Abu Bakar telah tiba di Buansa, di selatan Pulau Jolo. Datu-datu di Pulau Jolo telah memeluk Islam dan bersetuju melantik Sayed Abu Bakar menjadi Datu Tertinggi dengan menggunakan gelaran 'Sultan'. Tarikh tersebut sekitar 1450 diterima sebagai tarikh rasmi terdirinya Kesultanan Sulu. Datu-datu di Pulau Jolo begitu mudah menerima Islam kerana sebelum kedatangan Sayed Abu Bakar, telah tiba di Pulau Jolo beberapa tokoh yang mempunyai nama-nama Islam seperti Tuan Mashaika, Karim al-Makdum dan Raja Baginda. Mereka ini tiba dalam peringkat-peringkat yang berlainan semenjak akhir abad ke-14. Oleh itu, Islam telah diperkenalkan lama sebelum Sayed Abu Bakar tiba. Sayed Abu Bakar diiktiraf sebagai Sultan Sulu yang pertama dan semua sultan-sultan Sulu hingga ke sultan ke-32 (sultan terakhir) adalah daripada keturunannya. Sayed Abu Bakar telah membuat peraturan dan undang-undang yang akan dipatuhi oleh semua peringkat masyarakat, daripada sultan hingga ke rakyat biasa. Untuk menjadi sultan, ditetapkan syarat-syarat tertentu:

1. **Bangsawan:** Seseorang calon sultan mesti membuktikan dia adalah dari golongan bangsawan atau datu diraja, bukan dari datu kurniaan. Ini dapat dibuktikan dengan tarsilah keluarga yang disimpan dan dikemaskini oleh setiap keluarga datu diraja.
2. **Satiawan atau Sariawan:** Seorang calon mesti keturunan Sayed Abu Bakar dan bukan dari keturunan Syarif atau Sayed yang lain,
3. **Ilmawan:** Dia mesti mempunyai ilmu baik dunia dan agama. Sebagai ketua negara dia mesti berkebolehan untuk berbincang dan berunding dengan wakil-wakil negara luar mengenai hubungan dua hala, perdagangan, perdamaian dan sebagainya. Sebagai ketua agama, dia mesti mempunyai akhlak yang baik dan mempunyai ilmu agama yang tinggi untuk menyelesaikan masalah-masalah agama yang berlaku di kalangan rakyatnya.



4. Rupawan: Bakal calon juga mesti mempunyai pancaindera yang sempurna. Ini supaya seseorang sultan boleh berdepan dengan rakyatnya dan juga wakil-wakil negara luar dengan megah dan yakin. Seseorang yang tidak waras tidak boleh menjadi calon sultan walaupun dia memenuhi syarat 1-3.
5. Altawan (Hartawan): Seorang calon mesti mempunyai punca pendapatan sendiri. Ini untuk mengelakkan seseorang calon apabila menjadi sultan akan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi atau meletakkan kepentingan peribadi mengatasi kepentingan negara dan rakyat.

### **Pembahagian Kuasa dan Hasil Negeri**

Sebelum kesultanan terdiri, telah ada sistem kedatuan di Jolo. Oleh itu, apabila Sayed Abu Bakar menjadi sultan, beliau dan datu-datu telah bersetuju membuat pembahagian kuasa di antara kesultanan dan kedatuan.

1. Sultan tidak boleh campur tangan dalam pentadbiran daerah tetapi sultan akan melantik wakilnya yang digelar panglima di setiap daerah. Datu-datu pula tidak boleh campur tangan dalam urusan pentadbiran pusat.
2. Datu-datu tidak boleh membuat hubungan dengan kuasa luar termasuk perdagangan tanpa restu sultan. Datu-datu juga tidak boleh melancarkan serangan ke atas kuasa-kuasa luar tanpa memberitahu sultan terlebih dahulu.
3. Sultan tidak boleh campur tangan dalam perlantikan datu-datu baru tetapi datu boleh mempengaruhi perlantikan sultan. Ini berlaku kerana seseorang sultan Sulu dipilih oleh datu-datu Rumah Bicara.
4. Sebagai ketua agama, sultan melantik kadi, imam dan bilal untuk daerah Jolo dan Maimbung. Untuk daerah-daerah lain, sultan mesti berunding dengan datu-datu. Sultan juga mempunyai 'barakat' yang tidak ada pada datu-datu yang lain dan semua khutbah Jumaat di Sulu mempunyai doa untuk keselamatan dan kesejahteraan sultan.

Pendapatan sultan terbahagi kepada dua:

1. Pendapatan dari harta peribadi
2. Pendapatan kerana memegang jawatan sultan

Harta peribadi adalah harta milik sultan sebelum menjadi sultan. Ini termasuk harta pusaka, harta yang dibeli sebelum menjadi sultan dan keuntungan dari aktiviti perdagangan (sultan dibenarkan berdagang). Semua pendapatan ini adalah milik peribadinya dan boleh digunakan mengikut kemahuannya. Ia juga boleh dipusakai oleh waris-warisnya

Sumber pendapatan kerana jawatan, sultan berhak ke atas cukai yang digunakan ke atas kapal-kapal asing yang berdagang di Jolo. Pedagang asing yang ingin berniaga di pelabuhan-pelabuhan di wilayah kekuasaan Sulu, dia perlu mendapat surat izin daripada sultan. Caj yang dikenakan untuk mendapatkan surat izin adalah milik sultan. Sultan juga berhak ke atas semua hasil yang dikeluarkan oleh daerah Jolo dan Maimbung. Untuk daerah-daerah lain, sultan hanya mendapat peratus tertentu (10%) yang harus diserahkan oleh datu kepada sultan. Sultan juga mempunyai monopoli ke atas sarang burung dan mutiara (saiz yang luarbiasa). Sultan juga berhak ke atas 30% barang rampasan perang yang dilancarkan oleh datu-datu. Sultan juga berhak ke atas bayaran denda yang dikenakan ke atas rakyat Sulu. Sumber pendapatan kedua ini bukan milik peribadi sultan. Ia digunakan untuk pengurusan di peringkat pusat dan belanja peribadi sultan serta keluarganya termasuk kakitangan istana. Sultan mesti berbincang dan mendapat persetujuan Rumah Bicara sebelum menggunakan pendapatan ini. Ia juga tidak boleh dipusakai oleh warisnya.

### **Rumah Bicara**

Ia merupakan institusi penting dalam sistem Kesultanan Sulu. Besar kemungkinan konsep Rumah Bicara ini bermula apabila datu-datu di Jolo melantik Sayed Abu Bakarsebagai sultan pertama dan sultan pula akan berunding dengan datu-datu dalam urusan pentadbiran. Fungsinya bertambah dan akhirnya ia menjadi badan tertinggi. Ia mempunyai kuasa yang amat luas termasuk melantik dan memecat sultan. Semua perkara yang menyentuh kepentingan negara seperti perdagangan, perjanjian dengan kuasa luar, kadar cukai, dan perlantikan pegawai-



pegawai tinggi negeri akan dibincang dan diputuskan dalam Rumah Bicara. Di tahap akhir kesultanan, apabila pengaruh kuasa-kuasa barat telah semakin bertapak dengan kuat, kuasa Rumah Bicara tidak pernah pudar. Pada peringkat awal kesultanan, hanya datu-datu dari suku Tausug sahaja menjadi ahli tetapi menjelang abad ke-19, rakyat biasa yang ada pengaruh dan harta telah dilantik menjadi ahli. Mereka ini boleh mengambil bahagian dalam perbincangan tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi. Jumlah keahlian Rumah Bicara tidak ditetapkan. Ianya di antara 6 (jumlah minimum) dan 19 orang (jumlah maksimum). Sultan dan raja muda menjadi ahli secara automatik. Sementara datu-datu dipilih daripada datu-datu yang paling berpengaruh. Sultan mempunyai dua undi, Sementara ahli yang lain mempunyai 1 undi. Raja Muda mempunyai 2 undi, jika dia menyokong sultan tetapi satu undi kalau dia menentang sultan.

### **Pertembungan Dengan Barat dan Kejatuhan Kesultanan Sulu.**

Ketibaan kuasa-kuasa barat di alam Melayu telah mrngubah landskap politik sosial dan ekonominya. Kuasa-kuasa yang dulunya besar dan kuat sebelum kedatangan barat telah lenyap atau menajdi sebahagian daripada negara bangsa baru yang berasaskan nilai-nilai baru juga. Sulu tidak terkecuali dari menerima kesan akibat pertembungan dengan barat. Sulu berdepan dengan dua kuasa besar barat Sepanyol dan Amerika untuk tempoh yang paling lama juka dibandingkan dengan kuasa-kuasa tempatan yang lain di Alam Melayu.

#### **A. Sepanyol**

Kuasa barat pertama tiba di timur mengikut jalan baru adalah Portugis. Diikuti oleh Sepanyol. Kedua-dua kuasa ini datang dari kawasan yang sama di Eropah iatu Semenanjung Iberia. Akibat pengalaman sejarah kedua-dua kuasa ini terutama Sepanyol mempunyai sikap permusuhan yang amat kuat terhadap Islam dan umatnya. Sepanyol telah tiba di Cebu pada 1521, sepuluh tahun selepas Portugis menawan Melaka. Sepanyol telah bertemu dengan penganut agama yang telah mereka perang selama tujuh abad di tanah air mereka. Orang-orang ini ialah pengikut agama yang dibawa oleh Muhammad yang dipanggil Moro dalam bahasa Sepanyol. Pihak Sepanyol mendapati orang-orang Islam bukan sahaja menguasai perdagangan di Kepulauan Filipina tetapi telah mendirikan



beberapa kesultanan seperti Magindanao, Manila, dan Sulu. Sepanyol telah meneruskan dasar anti Islam dan ini telah mencetuskan perang dengan kuasa-kuasa Islam tempatan. Konflik ini dikenali 'Perang Moro' yang berlaku lebih dari tiga abad Selepas mengalahkan Sultan Sulaiman di Manila pada 1571 Sepanyol meneruskan serangan ke atas kuasa-kuasa Islam di selatan. Sepanyol dengan bantuan orang-orang kristian Filipina telah melancarkan serangan demi serangan ke selatan tetapi masih gagal untuk mengalahkan kuasa-kuasa Islam tersebut. Sulu dan Magindanao telah melancarkan serangan balas ke bahagian tengah Filipina yang telah membawa kemusnahan besar ke atas harta benda dan ramai orang-orang kristian Filipina ditawan kemudian dijual di pasaran hamba di Alam Melayu. Keadaan 'stalemate' ini berubah pada dekad keempat abad ke 19. Pada 1830an, Sepanyol telah membeli tiga kapal yang menggunakan kuasa wap yang lebih laju, kapal-kapal ini digunakan dalam serangan ke atas Sulu pada tahun 1848 dan hasilnya amat memuaskan. Pada tahun yang sama, James Brooke, Gabenor Labuan dan Konsul Jeneral British untuk Borneo telah melawat Jolo dan menandatangani perjanjian perdagangan dengan Sultan Sulu. Sepanyol menganggap kehadiran British sebagai satu ancaman kepada kepentingannya. Pada Disember 1850, Sepanyol telah meminta Sultan Sulu menghantar dua datu Rumah Bicara ke Manila untuk berunding. Bila tuntutan ini tidak dilayan Sepanyol telah membuat persiapan besar untuk melancarkan serangan ke atas Sulu. Serangan berlaku pada Februari 1851 dan berjaya menawan dan memuskan bandar Jolo. Sulu telah melancarkan serangan balas yang memaksa tentera Sepanyol berundur dari bandar Jolo. Peperangan ini berakhir dengan perjanjian persahabatan dan perdagangan pada April 1851.

Kebimbangan Sepanyol terus meningkat kerana menjelang akhir 1850 an bukan sahaja kapal-kapal dagang British yang menjalankan aktiviti perdagangan di Sulu tetapi juga kapal-kapal dari Jerman. Pada 1860, kerajaan Manila telah mengeluarkan perintah melarang semua kapal-kapal asing dari berdagang di Sulu. Pihak Sepanyol telah memesan 16 kapal wap baru yang akan digunakan untuk meronda laut Sulu. Tetapi larangan dan rondaan kapal-kapal Sepanyol gagal menyekat kapal-kapal British dan Jerman, Pada Ogos 1873 pihak berkuasa Sepanyol di Manila telah mengambil langkah drastik, Sulu telah diisytiharkan sebagai wilayah memberontak dan Laut Sulu ditutup



pada semua kapal tempatan atau asing. Kapal-kapal asing yang ditawan barangan dan kapalnya akan dirampas tetapi anak-anak kapal akan dibebaskan. Sementara untuk kapal-kapal Sulu kapal dan barangnya akan dirampas dan sesiapa yang berada di dalam kapal tidak kira lelaki, perempuan, dewasa atau kanak-kanak akan ditangkap dan dibicarakan di mahkamah tentera sebagai pemberontak yang boleh membawa hukuman bunuh, Sulu menghadapi masa-masa yang amat sukar di antara 1873 hingga 1878. Ibu negeri dan penempatan-penempatan lain di bakar dan dimusnahkan sementara sultan dan datu-datu terpaksa melarikan diri dari satu tempat ke satu tempat, ramai rakyat Sulu yang terbunuh dan ditawan oleh tentera Sepanyol. Ekonomi Sulu yang berteraskan perdagangan telah musnah. Pulau Jolo yang dikepung oleh tentera Sepanyol diancam kebuluran kerana bahan makanan tidak boleh dibawa masuk, penduduk Jolo berusaha untuk mengelakan kebuluran dengan menaruh bukit-bukit dan gunung-gunung supaya dapat ditanam dengan bahan-bahan makanan. Kesannya boleh dilihat hingga ke hari ini. Dalam masa yang amat sukar ini dua peristiwa berlaku

#### 1) Protokol Madrid atau Protokol Sulu 1877

Spanyol dalam melaksanakan larangan ke atas kapal-kapal asing telah menawan beberapa kapal Jerman di antara 1873-1875, tindakan Sepanyol ini telah menimbulkan krisis diplomatik diantara Berlin dan Madrid. Jerman menganggap tindakan Sepanyol sebagai tidak wajar dan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa kerana pada Jerman. Sulu merupakan negara yang merdeka. Sekiranya kapal-kapal Jerman terus diganggu, Berlin mengancam untuk bertindak balas. British melihat perkembangan ini dengan cemas kerana ia takut kalau krisis tersebut mencetuskan perang diantara dua kuasa Eropah tersebut kerana pemenang perang tersebut telah dapat dijangka. Jerman adalah kuasa yang sedang naik terutama selepas berjaya mengalahkan Perancis pada 1871. Sementara Sepanyol pula adalah kuasa kelas tiga Eropah. Oleh itu, Kerajaan British telah mengambil inisiatif dengan mengadakan siri-siri rundingan di London, Berlin dan Madrid untuk mencari jalan penyelesaian untuk krisis tersebut. Akhirnya satu persetujuan yang dikenali sebagai Protokol Madrid atau Protokol Sulu telah ditandatangani pada 11 Mac 1877. Jerman dan Britain bersetuju mengakui Sulu berada dalam kawasan pengaruh Sepanyol dan sebagai balasan Sepanyol berjanji untuk membenarkan kuasa-kuasa asing berdagang di Sulu. Dengan perjanjian ini, masa depan Sulu telah ditentukan.



## 2) Perjanjian Baron Von Overbeck dan Sultan Sulu 1878

Dalam keadaan yang sangat genting Sultan Jamalul Azam telah dikunjungi di tempat persembunyiannya oleh dua orang iatu Baron Von Overbeck, bekas Konsul Austria di Hong Kong dan William Treacher, Gabenor Labuan. Kedatangan Overbeck ialah untuk mendapatkan persetujuan Sultan Jamalul Azam supaya menyerahkan tanah milik Sulu di Borneo utara supaya dapat dimajukan oleh syarikat yang ditubuhkan oleh Overbeck dengan rakannya Alfred Dent. Matlamat ini berjaya apabila Sultan Jamalul Azam bersetuju menyerahkan kawasan tersebut kepada Overbeck. Kawasan yang terlibat dengan konsesi ini ialah dari Sungai Pandasan di pantai barat kemudian menyusur sepanjang pantai utara termasuk kawasan Paitan , Sugut , Banggai, Labuk , Sandakan , Kinabatangan hingga ke Sungai Sibuku di timur. Sultan Sulu akan menerima bayaran sebanyak 5 ribu ringgit setahun.

Dua peristiwa ini tidak dapt menamatkan perang di antara Sulu dan Sepanyol sehingga satu perjanjian damai telah dibuat pada Julai 1878 .Dalam perjanjian ini Sulu disebut sebagai negeri naungan Sepanyol tetapi Sepanyol berjanji untuk tidak mencampur tangan dalam urusan pentadbiran Sulu. Keadaan ini kekal sehingga Sepanyol menyerahkan Filipina kepada Amerika pada 1898.

### **B. Amerika**

Pada 10 Disember 1898 Perjanjian Paris telah ditanda tangani bagi menamatkan perang Amerika Sepanyol. Di antara fasal-fasal perjanjian ini ialah Filipina telah diserahkan kepada Amerika dengan bayaran 20 juta US .Di Sulu, tentera Amerika tiba pada Mei 1899 untuk mengambil alih kuasa secara rasmi dari Sepanyol. Ketua tentera Amerika Brig Jeneral John C. Bates mendapati tidak ada pegawai-pegawai Sepanyol di Sulu ini menimbulkan was-was kepada General Bates yang Sulu bukan jajahan Sepanyol. Beliau telah berunding dengan Sultan Jamalul Kiram II untuk membuat perjanjian baru yang dicapai pada 20 Ogos 1899 .Persetujuan ini dikenali sebagai Perjanjian Bates ia mengandungi 15 fasal Perjanjian ini telah dibawa dan diluluskan oleh kongres Amerika di akhir tahun yang sama (dengan hanya membatalkan satu fasal iatu mengenai perhambaan). Pada peringkat awal, pihak berkuasa Amerika tidak mempunyai dasar yang jelas terhadap Filipina. Menjelang 1903 Amerika telah merangka satu pelan jangka panjang untuk Filipina di mana Filipina akan menjadi satu unit politik yang bersatu



di mana semua wilayah-wilayahnya mempunyai kedudukan yang sama. Perjanjian Bates menjadi masalah kerana ia mengiktiraf Sulu mempunyai perbezaan dengan Wilayah Filipina lain. Oleh itu pada 2 Mac 1904 Presiden Theodore Roosevelt secara satu pihak telah membatalkan Perjanjian Bates. Dengan ini, Sulu dan kawasan Islam lain di selatan telah dimasukkan ke dalam sistem pentadbiran Filipina sepenuhnya. Amerika juga mengumumkan yang dia tidak lagi mengiktiraf kuasa sultan di Sulu. Bayaran elaun kepada sultan dan datu-datu yang telah diperuntukkan dalam Perjanjian Bates telah dimansuhkan. Sultan Jamalul Kiram II membantah keras pembatalan perjanjian tersebut. Bagi meredakan kemarahan sultan, baginda telah menjemput ke Manila pada Julai 1904. Dalam siri-siri rundingan Amerika tetap berkeras untuk membatalkan Perjanjian Bates. Sebagai tolak ansur Sultan dan beberapa orang datu akan diberi elaun tetapi kadarnya lebih rendah daripada yang dulu. Sultan Jamalul Kiram juga diminta oleh pihak Amerika menandatangani surat dimana baginda bagi pihak dirinya sendiri dan keturunannya menggugurkan hak ke atas Sultan Sulu. Pada Mac 1915, Sultan Jamalul Kiram telah menjemput ke Zamboanga, dimana beliau sekali lagi diminta menandatangani surat menggugurkan tuntutan ke atas Kesultanan Sulu. Pada 7 Jun 1936, Sultan Jamalul Kiram II Sultan Sulu yang terakhir telah mangkat tanpa meninggalkan zuriat.

### **Rumusan**

Selepas berjaya menentang Sepanyol untuk tempoh lebih tiga abad Sulu akhirnya akur kepada kehendak Amerika yang membubarkan kesultanan tersebut. Sulu telah berusaha mengekalkan kebebasannya dengan melepaskan wilayah-wilayah pinggiran seperti yang dilakukan oleh Kedah dan Brunei dengan harapan dapat mengekalkan kemerdekaan tetapi strategi ini telah gagal kerana kuasa-kuasa barat mempunyai percaturan politik yang akan menguntungkan pihak mereka sahaja.



## BIBLIOGRAFI

- Bruno, Juanita A. 1979. *The social world of the Tausug*. Manila: Cenro Escolar University Research and Development Centre
- Gowing, Peter G and Mc Amis, Robert D. (ed). 1974 .*The Muslim Filipinos: Their history, society and contemporary problems*. Manila: Solidaridad Publisher House
- Gowing, Peter G. 1977. *Mandate in Moroland, the American Government of Muslim Filipinos 1899-1920*. Manila: Community Publishers
- \_\_\_\_\_, 1979. *Muslim Filipinos- Heritage and horizon*. Manila: New Day Publishers
- Hurley, Victor. 1936. *Swish of The Kris. The story of the Moros*. New York: E.D Dutton
- Jubair Salah. 1999. *Bangsa Moro, a nation under endless tyranny*. Kuala Lumpur: IQ Martin Sdn Bhd,
- Kiefer, Thomas M. 1972. *The tausug: Violence and law in a Philipine Moslem society*. New York: Holt Rinhart & Wilson
- McKenna, Thomas M. 1998. *Muslim rulers and rebels. Everyday politics and armed seperatism in the Southern Philipinnes*. Berkeley: University of California Press,
- Majul, Cesar Adid. 1972. *Muslims in the Philipines*. Manila: University of the Philipiness Press.
- Mohd Ariff bin Dato' Othman. 1988. *Tuntutan Filipina terhadap Sabah , implikasi dari segi sejarah, undang-undang dan politik*. Kuala Lumpur: Terj. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- National History Institute. *Kasaysayan* .Manila: Vol V.No. 1-4 .1980.
- Orosa, Sixto Y.1970. *The Sulu archipelago and its people*. 2<sup>nd</sup> edition. Manila: New Manila Printing Press
- Saleeby Najeed M. 1963. *The History of Sulu*. Reprint : Manila: Filipiana Book Guild
- Tan, Samuel K.1968. *Sulu under American military rule 1899-1913*. Manila: University of the Philippines Press.
- Tarling, Nicholas. 1971. *Britain the Brookes and Brunei*. London: Oxford Universiti Press.
- \_\_\_\_\_. 1978. *Sulu and Sabah: A study of British policy towards the Philippines and North Borneo from the eighteenth century*. Kuala Lumpur: Oxford University Press



- Vitug, Marited Danguilan and Gloria, Glenda M. 2000. Under the crescent moon: Rebellion in Mindanao. Quezon City : Heneo Center for Social Policy and Public Affairs.
- Warren, James Frances. 1981. The Sulu zone 1768-1898. The dynamic of external trade, slavery, and ethnicity in the transformation of a Southeast Asian maritime state. Singapore: Singapore University Press.
- \_\_\_\_\_. 2002. Iranun and Balangingi globalization, maritime raiding and the birth of ethnicity. Singapore: Singapore University Press.